

Tiada motif politik:

BH 10 MAR 2001

Tidak ada perkara lain yang menjadi perbezaan pendapat antara Pas dan Umno akan dibincang dalam pertemuan perpaduan ini, tidak ada perkara lain... tidak ada isu-isu politik lain”

— Dr Mahathir Mohamad

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menjelaskan pertemuan pemimpin Umno dan Pas tidak mempunyai implikasi politik kepada parti masing-masing kerana ia cuma perbincangan mengenai isu kepentingan Melayu berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, Pas sebagai parti Melayu seharusnya turut bersama Umno untuk mempertahankan hak dan kepentingan orang Melayu, lebih-lebih lagi apabila ada cubaan untuk mencabar hak ini.

“Tidak ada perkara lain yang menjadi perbezaan pendapat antara Pas dan Umno akan dibincang dalam pertemuan perpaduan ini, tidak ada perkara lain... tidak ada isu-isu politik lain.

Pemegang jawatan kerajaan tidak wajib bertanding — Muka 4

“Bagaimanapun, kita tetap berpendirian kalau Pas nak bangkit apa-apa perkara pun, kita sanggup berbincang, termasuklah soal wang ihsan (kepada Kerajaan Terengganu) dan lain-lain... kita sanggup bincang,” katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno selama kira-kira tiga jam di sini.

Semalam, Dr Mahathir menyatakan pertemuan Umno-Pas bertujuan membincangkan perkara yang membabitkan kepentingan Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, Bahasa Kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Md Isa, yang menyatakan persetujuan parti berkenaan pada dasarnya mengenai cadangan Presiden Umno itu, meminta supaya skop perbincangan diperluas, termasuk soal kebebasan berkumpul secara aman mengikut Fasal 10 Perlembagaan itu.

Dr Mahathir berkata, Umno sanggup untuk berbincang apa saja, tetapi tidak semestinya ia bersetuju dengan permintaan parti pembangkang berkenaan.

“Kita sanggup bincang apa-apa pun, tetapi tidak semestinya kita bersetuju. Kita tumpukan (perbincangan) kepada mempertahankan hak dan kepentingan orang Melayu saja yang mana saya yakin Pas sebagai parti orang Melayu tentulah nak mempertahankan juga.

“Kita (Umno) pun nak mempertahankan juga. Mengenai perhimpunan (kebebasan berkumpul)

Majlis Tertinggi sokong agenda pertemuan

DARI MUKA 1

itu kita boleh bincang,” katanya.

Dr Mahathir berkata, pemimpin Umno juga bersedia mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan pemimpin Pas, termasuk di pekarangan bangunan Parlimen pada 19 Mac ini sempena sidang Dewan Rakyat seperti disarankan oleh Nasharuddin.

“Di mana pun tidak apa bagi kita nak jumpa. Bagi tahu saja, kita jumpalah. Saya akan batal program (lain) saya, kalau nak jumpa... saya tak akan pergi mana-mana,” katanya.

Mengenai kenyataan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, supaya pemimpin Barisan Nasional (BN) dan gabungan parti pembangkang turut berbincang mengenai perpaduan nasional, Dr Mahathir berkata ia sudah menjadi soal politik dan cadangan pertemuan Umno-Pas cuma berkisar kepada kepentingan orang Melayu.

Beliau berkata, MT hari ini memberi sokongan penuh kepada pendirian mengenai agenda pertemuan Umno-Pas berkisar kepada empat perkara yang termaktub dalam Perlembagaan.

Bagaimanapun, beliau kesal apabila pemimpin Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengaitkan cadangan pertemuan Melayu itu kepada usaha untuk menyerang atau membunuh orang Cina.

Katanya, ini kerana ia turut dikaitkan dengan perhimpunan ‘Takkan Melayu Hilang di Dunia’ anjuran Barisan Bertindak Melayu (BBM) yang lebih mirip kepada anti-Cina dan dianggap sebagai turut didalangi Umno.

“Saya sedar ini adalah percubaan mereka (Pas/Keadilan) untuk mendapat satu kelebihan politik. Ini adalah cubaan mereka untuk mendapat sokongan daripada orang Cina... nak serang, bunuh orang Cina... Umno tidak langsung ada niat yang macam itu,” katanya.